

PEMBAHAGIAN PESAKA DI KALANGAN MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN : SATU KAJIAN KES-KES PESAKA
MENURUT ADAT DAN FARAIID.

ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANAMUDA
PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN SYARIAH WA AL-QANUN
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI


1989

Pengakuan:

" Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

2-5-89

(TARIKH)



(ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI)

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Al-Hamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa Ta'ala yang telah memberi taufik, hidayah dan inayahnya kepada saya dalam menyediakan kajian ini dengan penuh kesabaran dan ketekunan sehingga selesai.

Saya mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penyelia saya, Yang Berbahagia Dr. Ismail Mat, Pensyarah Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam yang telah banyak memberikan bimbingan, nasihat, pertolongan dan tunjuk ajar kepada saya sehingga kajian ini dapat disiapkan dengan sempurnanya.

Tidak ketinggalan juga saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Encik Mustapa bin Haji Alias, Pegawai Penyelesai Pesaka Daerah Seremban, Encik Sulaiman bin Kadimi, Pegawai Pembahagian Pesaka Negeri Sembilan Timur, Encik Ramly bin Harun, Pen. Petempatan Ting. Khas (Pen. Pentadbir Tanah Daerah Rembau), Kerani Pembahagian Pesaka, Tuan Qadi Daerah Seremban dan orang-orang perseorangan yang telah memberikan sumbangan yang telah memberikan sumbangan dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih juga saya tujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Ketua Jabatan, para pensyarah Jabatan syariah, Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam, Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Universiti Malaya.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga penulis sampaikan terhadap kedua ibubapa yang dikasihi yang sentiasa berdoa ke hadrat Allah s.w.t. agar penulis berjaya dalam pelajaran di setiap masa. Begitu juga kepada bang Long, bang Ngah dan kak Ngah yang telah memberikan kerjasama sama ada berupa tenaga, material mahupun moral dalam menyiapkan kajian ini. Untuk adik Yatie, Ina, Fauzi, Rohana, Da dan Maria agar kalian semua akan beroleh kejayaan dunia dan akhirat.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, semoga tabah dalam menghadapi liku-liku hidup yang penuh dengan cabaran dan dugaan ini.

Akhir sekali, penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan pertolongan secara langsung dan tidak langsung, baik yang berupa buah fikiran, tenaga dan usaha serta nasihat dan perangsang kepada saya dalam menyiapkan kajian ini.

Saya memohon balasan baik daripada Allah s.w.t di atas usaha dan jasa baik yang tuan-tuan telah curahkan itu. Jaza kumullahu khairan.

Wa Allahu a^Clam.

"YA ALLAH, AMPUNILAH DOSA-DOSA KAMI DAN
BERKATILAH KAMI DI DALAM MENERUSKAN PENGABDIAN KEPADAMU".

Ikhlas,
Abdul Halim bin Zulkifli,
Jabatan Syari^Cah wa al-Qanun,
Fakulti Pengajian Islam,
U.K.M
43600 Bangi,
Selangor.

SINOPSIS

Penulisan Latihan Ilmiah ini yang bertajuk "Pembahagian Pesaka Di kalangan masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan : satu kajian kes-kes Pesaka Menurut Adat dan Faraid" adalah suatu kajian yang menumpukan kepada kes-kes pesaka Tanah Adat dan Tanah Faraid di Negeri Sembilan. Oleh itu, penulis hanya memilih dua daerah iaitu Daerah Rembau dan Daerah Seremban dalam usaha mengumpulkan kes-kes yang berkaitan dengan Adat dan Faraid. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat cara pembahagian pesaka yang telah diamalkan oleh masyarakat Adat perpatih dan sejauh mana ianya bercanggah dengan cara pembahagian menurut hukum faraid. Sebelum membincangkan pandangan masyarakat Adat Perpatih itu terhadap harta pesaka, kajian ini pertamanya menyentuh tentang definasi adat, takrif pesaka menurut Islam dan juga sebab-sebab yang membolehkan seseorang itu mewarisi harta pesaka. Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada persoalan prosedur dalam pembahagian pesaka, peranan Pegawai Penyelesai Pesaka dan ketentuan peruntukan undang-undang yang menyentuh pembahagian harta pesaka yang berkuatkuasa di Negeri Sembilan. Akhirnya, tumpuan kajian diberikan kepada penganalisaan kes-kes pesaka yang tidak selesai meliputi kes-kes Tanah Pesaka Adat dan Tanah Pesaka Faraid. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa pengaruh adat masih kuat mempengaruhi kehidupan masyarakat Adat Perpatih dalam konteks pembahagian pesaka.

KANDUNGAN

	Halaman
JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
DAFTAR JADUAL	ix
JUDUL TRANSLITERASI	x
SENARAI SINGKATAN KATA	xii
PENDAHULUAN	xiii
KANDUNGAN	vi
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN	

BAB1

ADAT PERPATIH DAN PESAKA DALAM ISLAM

1.1 PENGENALAN	1
1.2 DEFINISI ADAT	2
1.2.1 Pembahagian Adat	7
1.2.2. Adat-adat di Malaysia	10
1.3 PENGERTIAN PESAKA MENURUT ISLAM	20
1.3.1 Pengertian Ilmu Miras	22
1.3.2 Persyari ^C atan Perwarisan	25
1.3.3 Sebab-sebab Mempesakai	36
1.4 KEDUDUKAN PESAKA DI DALAM ADAT PERPATIH	41

BAB II

2.1 PENGENALAN	49
2.2 ACARA DALAM PEMBAHAGIAN PESAKA	50
2.2.1 Permohonan	50
2.2.2 Penilaian	52
2.2.3 Faraid Qadi	53
2.2.4 Perbicaraan	56
1. Kesan Sampingan Perbicaraan	60
a. Rayuan Bicara Semula	64
b. Perbicaraan Kali Kedua	66
2.3 PERANAN PEGAWAI PENYELESAI PESAKA	68
2.3.1 Perintah Perlantikan	72
2.3.2 Proses Penyediaan Perintah	73
2.4 HARTA PESAKA MENURUT UNDANG-UNDANG	
PEMBAHAGIAN HARTA PESAKA 1955	75
2.4.1 Harta Alih dan Harta Tidak Alih	76
2.4.2 Wasiat Dalam Harta Pesaka	78
2.4.3 Pelaksanaan Akta Harta Pesaka Kecil	78

BAB III

3.1	PENGENALAN	82
3.2	RASIONAL PEMILIHAN TEMPAT KAJIAN	83
3.3	PENGANALISAAN KES-KES	94
3.3.1	Analisa Kes-kes Tanah Faraid Daerah Seremban	94
3.3.2	Analisa Kes-kes Tanah Pesaka Adat Rembau	94
3.3.3	Analisa Kes-kes Tanah Faraid Rembau	95
3.4	KEDUDUKAN KES-KES PESAKA YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN	96
3.4.1	Sebab-sebab Kes Dibatalkan	97
3.5	MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PEJABAT DAERAH DALAM MENYELESAIKAN KES-KES PESAKA	99
3.5.1	Masalah Pengurusan Perbicaraan	100
1.	Masalah Pentadbiran dan Perbicaraan	104
2.	Masalah Dari Pihak Orangramai	106
3.5.2	Masalah Pegawai Penyelesai Pesaka	111
1.	Masalah Pertelingkahan Waris	112
2.	Kerumitan Menkuatkuasa Ahli Waris Yang Tidak Hadir	113
3.5.3	Cadangan	115
	PENUTUP	118

DAFTAR JADUAL.

- Jadual 1 : Pembahagian Pesaka Menurut al-Qur'an.
- Jadual 2(A) : Kes-kes Tanah Faraid Daerah Seremban (1982-87)
- Jadual 2(B) : Kes-kes Tanah Pesaka Adat Daerah Rembau (1982-87)
- Jadual 3(A) : Kes-kes Tanah Faraid Daerah Rembau (1982-87).
- Jadual 3(B) : Kes-kes Pembahagian Pesaka Daerah Rembau (1982-87).
- Jadual 4 : Penyata Bulanan Penyelesaian Harta Pesaka Kecil Tahun 1987.

JUDUL TRANSLITERASI.

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
أ	'	سأل	sa'ala
إ	-	اصفيا	asfiyā'
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālīd
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	ذلك	dhālīka
ر	r	رحمن	Rahmān
ز	z	زابور	zābūr
س	s	سبيل	sabīl
ش	sy	شمس	shams
ص	s	صبر	ṣabr
ض	d	ضمير	ḍamīr
ط	t	طالب	ṭālib-
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	c	عالم	ʿalīm
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كاس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمар	mizmār
ن	n	نية	niyyah
ه	h	هبط	habaṭa

و	w	وہر	wabar
ی	y	یاسین	yāsīn

VOKAL PENDEK

a _____

i _____

u _____

VOKAL PANJANG

ā _____

ī _____

ū _____

DIFTONG

ay _____

aw _____

VOKAL PENDEKContohTransliterasi

Vokal a :	فَعَلَ	= fa ^c ala
Vokal i :	فَعِلَ	= fa ^c ila
Vokal u :	فَعُولَ	= fa ^c ula

VOKAL PANJANG

1. Vokal panjang ā :	فَاعَلَ	= fā ^c ala
2. Vokal panjang ī :	فَاعِلَ	= fa ^c il -
3. Vokal panjang ū :	فَاعُولَ	= fa ^c ul -

DIFTONG

1. aw :	قَوْلَ	= qawl
2. ay :	سَيْفَ	= sayf
3. iyy :	رَجَعِيَ	= raj ^c iyy <u>atau</u> raj ^c ī
4. uww :	عَضُو	= ^c aduww <u>atau</u> ^c aduww

SENARAI SINGKATAN KATA

M.	Masihi.
H.	Hijrah.
No.	Nombor.
Cet.	Cetakan.
Bil.	Bilangan.
Jil.	Jilid.
Juz.	Juzu'.
Sek.	Seksyen.
Hal.	Halaman.
Pen.	Penolong.
t.t	Tanpa tarikh.
KKT.	Kementerian kemajuan Tanah.
Ting.	Tingkatan.
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
s.a.w	Sallallahu ^C alaihi wasallam.
s.w.t	Subhanahu wa ta ^C ala
Ibid	Di tempat yang sama

PENDAHULUAN

A. PERMASALAHAN

Masalah pembahagian pesaka yang telah diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan merupakan satu sistem pembahagian yang lebih menitikberatkan kepentingan anak perempuan daripada anak lelaki. Dengan ini juga pembahagian pesaka mengikut Adat Perpatih akan melebihi bahagian pesaka untuk anak perempuan daripada anak lelaki.

Memandangkan masalah ini semakin serius di mana walaupun ianya bercanggah dengan hukum faraid, tetapi setakat ini tiada perubahan yang telah dibuat. Namun begitu, terdapat juga cadangan-cadangan dari orang yang tahu dan menyedari hakikat ini, tetapi nampaknya segala cadangan tersebut tidak diindahkan oleh orang-orang yang bertanggungjawab. Sekiranya sistem pembahagian pesaka mengikut Adat Perpatih itu tidak diubah, selama itulah sistem itu tidak akan selaras dengan pembahagian mengikut hukum faraid.

Oleh yang demikian, adalah perlu bagi pengkaji-pengkaji Adat Perpatih untuk mengkaji aspek-aspek pembahagian pesaka yang didapati bercanggah dengan syara^C. Jadi, disebabkan kesedaran inilah, penulis telah mengambil inisiatif untuk mengkaji tentang "Pembahagian Pesaka Di kalangan Masyarakat Adat Perpatih di N.

Sembilan: Satu Kajian Kes-kes Pesaka Menurut Adat Dan Faraid".

B. KAJIAN MASA LALU.

Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

Beberapa kajian mengenai Adat Perpatih telah dilakukan di beberapa daerah seperti Port Dickson, Jempol, Rembau dan lain-lain serta beberapa pendekatan telah dilakukan untuk melihat aspek-aspek tertentu secara ilmiah. Kajian I yang pernah ditulis oleh Zubaidah Ahmad yang bertajuk "Pengaruh Adat Dalam Perkahwinan, Penceraian dan Pembahagian Pesaka Di Kalangan Masyarakat Islam N. Sembilan.

Memandangkan terdapat beberapa tajuk yang telah dibincangkan, penyelidikannya merangkumi seluruh N. Sembilan dalam bentuk generalisasi, jadi beberapa bahagian dalam kajian yang tidak dapat dianalisa secara mendalam dan terperinci.

Begitu juga kajian yang telah dilakukan oleh Habibah Zainuddin tentang Adat Perpatih yang bertajuk "Adat Perpatih, pandangan Islam dan Masyarakat Rembau", di mana kajian tersebut lebih menumpukan perhatian kepada pengaruh Adat Perpatih yang didapati di Daerah Rembau dan tidak jauh bezanya dengan kajian yang pertama di mana pengolahannya meliputi aspek keluarga, perkahwinan dan juga pesaka.

Kajian selanjutnya telah dilakukan oleh Bariah bt. Tokiah yang berbentuk "Adat dan Pengamalannya Oleh Masyarakat Melayu Rantau Menurut Pandangan Islam". Ketiga-tiga penulis tersebut walaupun menyentuh tentang masalah pesaka tetapi kajian mereka tidak menumpukan sepenuhnya kepada isu-isu pesaka dengan melihat masalah tersebut benar-benar berlaku dalam konteks masyarakat Adat di N.Sembilan.

Dengan demikian, penulis bercadang untuk mengkaji tentang konsep pembahagian pesaka di kalangan masyarakat Adat Perpatih dan sejauhmana konsep ini bercanggah dengan hukum faraid dengan menumpukan kepada kajian-kajian kes yang telah dibicarakan di beberapa Pejabat Daerah N.Sembilan.

Kes-kes berkenaan merupakan data utama dalam kajian ini dan keputusan dari kes ini akan diteliti secara menyeluruh sebelum penulis dapat menilai apakah aspek sebenar yang berlaku dan apakah yang bercanggah dengan perundangan Islam. Kes-kes yang tidak dapat diselesaikan akan diasing dalam bahagian yang lain.

C. KEPENTINGAN KAJIAN.

Walaupun telah banyak dilakukan kajian dan juga penulisan tentang Adat Perpatih di N. Sembilan, namun dirasakan masih terdapat beberapa kekurangan tentang aspek penulisan itu. Masih ada lagi aspek-aspek yang belum lagi terbongkar untuk pengetahuan umum. Dalam kajian ini, penulis akan cuba mengkaji persoalan-persoalan yang timbul dari sistem pembahagian pesaka itu dan beberapa cadangan bagi mengatasi persoalan yang timbul dari cara pewarisan demikian. Dengan cara ini, penulis akan cuba membuat perbandingan antara sistem pembahagian pesaka menurut Adat Perpatih dan Islam serta membuat rumusan terhadapnya.

Di samping itu, penulis akan menganalisa kes-kes pesaka yang tidak selesai menurut adat yang terdapat di Pejabat-pejabat Tanah atau kes-kes yang berkait dengan pembahagian pesaka itu.

D. METOD KAJIAN

•

1. Perpustakaan

Bahan-bahan bacaan seperti kajian-kajian ilmiah oleh pensyarah-pensyarah, mahasiswa-mahasiswa, journal-journal oleh pengkaji-pengkaji Barat, buku-buku yang ditulis sendiri oleh penulis-penulis tempatan dan kertaskerja-kertaskerja seminar yang

terdapat di Perpustakaan Universiti Malaysia mahupun di Universiti Malaya merupakan bahan-bahan asas yang akan digunakan dalam penulisan latihan ilmiah ini.

2. Temubual.

Penulis juga mengadakan temubual dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk mendapatkan maklumat yang sebenarnya dari mereka. Orang-orang yang terlibat dalam temubual itu seperti Pegawai Penyelesi Pesaka, Pegawai Petempatan, Pegawai Pembahagian Pesaka, Kerani-kerani Pesaka, Qādī , ketua-ketua suku dan orang-orang tua yang berpengalaman mengenai Adat Perpatih.

3. Pengamatan

Pengamatan penulisan terhadap pentadbiran Pejabat Tanah khususnya dalam pembahagian pesaka juga merupakan salah satu cara dalam kajian ini. Di samping itu, penulis juga mengikuti beberapa kes-kes perbicaraan pembahagian pesaka yang telah diadakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Dengan caraini, penulis dapat melihat sendiri tentang prosedur dalam sesuatu perbicaraan dan keadaan sebenar yang berlaku semasa perbicaraan.

E. ORGANISASI PENULISAN

Dalam bab pertama, penulis akan memberikan beberapa takrif adat mengikut berbagai pendapat. Pada umumnya, takrif itu berbeza tetapi pada dasarnya ia mempunyai erti yang saling berkaitan. Pembahagian adat juga diberikan secara ringkas dan adat-adat yang wujud di Malaysia ini. Penulis juga mengemukakan tentang takrif pesaka menurut pandangan Islam beserta dalil-dalil pensyari^Catan pesaka dan keadaan-keadaan yang membolehkan harta pesaka itu diwarisi, dinyatakan juga tentang kedudukan pesaka dalam masyarakat Adat Perpatih.

Bab dua akan membicarakan tentang kajian kes-kes pesaka Tanah Adat dan Tanah Faraid di Daerah Rembau dan Daerah Seremban serta sebab-sebab dilakukan kajian ini. Ini meliputi acara dalam pembahagian pesaka dari peringkat permohonan hingga penyelesaiannya. Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 akan digunakan sebagai bukti kepada peruntukan-peruntukan tertentu.

Bab ketiga pula membincangkan tentang kes-kes pesaka yang tidak selesai beserta data-data kes sejak tahun 1982-87 serta sebab-sebabnya di samping masalah-masalah yang dihadapi oleh Pejabat Tanah dalam menyelesaikan kes-kes pesaka itu.

Bahagian akhir adalah penutup kepada keseluruhan kajian ini.

An ornate, symmetrical decorative border in a black and white line-art style. It features intricate scrollwork, acanthus leaves, and floral motifs, forming a rectangular frame around the central text.

BAB I

BAB I

ADAT PERPATIH DAN PESAKA DALAM ISLAM

1.1 PENGENALAN

Dalam bab pertama ini, penulis akan cuba mengemukakan tentang beberapa definisi adat yang telah dikemukakan oleh penulis-penulis barat dan juga penulis-penulis tempatan. Dengan cara ini, diharapkan para pembaca akan mendapat sedikit gambaran mengenai apakah yang dimaksudkan dengan adat itu sendiri sebelum meneliti tentang kedudukan pembahagian pesaka menurut perspepsi Adat Perpatih yang menjadi pilihan di dalam kajian ini. Dengan demikian, penulis telah mengemukakan secara ringkas tentang pembahagian adat kepada bahagian yang tertentu sebelum menjelaskan perbezaan Adat Perpatih dan Adat Temenggung.

Dalam bab ini, ta^Crif pesaka menurut Islam juga dikemukakan berdasarkan kepada dalil-dalil al-Qur'an, Hadīth dan Ijma^C. Penjelasan al-Qur'an tentang pesaka antara lain meliputi bahagian yang boleh diterima oleh orang-orang tertentu. Disamping itu, dinyatakan juga keadaan-keadaan ataupun sebab-sebab yang membolehkan

seseorang itu mewarisi pesaka dari seseorang yang juga berdasarkan kepada dalil al-Qur'an dan Hadīsth Nabi.

Sebelum penutup, bab ini juga membincangkan kedudukan harta di dalam Adat Perpatih yang lebih menekankan pembahagian kepada kaum perempuan sahaja dengan mengemukakan alasan-alasan yang sesuai terdapat di dalam pemikiran dan pemahaman setiap anggota masyarakat Adat Perpatih di dalam mempertahankan amalan adat ini di dalam kehidupan mereka.

1.2 Definisi Adat.

Adat mengikut kacamata penulis-penulis barat seperti M.B.Hooker¹, Tylor dan di dalam "A Dictionary of the Social Sciences"² menyatakan bahawa adat adalah satu tradisi yang dikongsi bersama oleh satu kumpulan dan diamalkan oleh individu sebagai kelakuan biasa(habit). Begitu juga dengan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh penulis-penulis tempatan-tempatan seperti Dr. Abdullah Siddik, Datuk Samad Idris, Haji Abbas bin Haji Ali dan Hashim bin Abd. Ghani serta beberapa

¹M.B.Hooker, Readings in Malay Adat Laws, (Singapore: University Press, Singapore, 1970), hal. XI.

²Julius Gould dan William L. Kolb, ed., A Dictionary of the Social sciences, (Great Britian: Tavistock Publications, 1964), hal. 176.

penulis dari Indonesia seperti Sorojo, Kusumadi, Mohd Koesnoe, Hazairin dan lain-lain yang mengkaji tentang Adat Melayu¹.

Walaupun pengertian adat itu berbeza, namun pada dasarnya ia memberikan erti yang saling berkaitan. Menurut Hooker, perkataan adat adalah berasal daripada Bahasa Arab iaitu 'adah'. Di antara aspek-aspek yang meliputi pengertian yang luas itu ialah:

- i. manners-etiquette.
- ii. proper, in the sense of correct.
- iii. the natural order e.g. rivers run downhill-
the sun sets in the west and rises in the east.
- iv. law-in the sense of rules as law.
- v. law-in the sense of concept of law-this sense of adat is related to (iii) above, e.g. it is adat that law and religion complement each other and do not clash.

Dari pengertian yang diberikan di atas, nyatalah bahawa adat itu meliputi segala bentuk kehidupan manusia dan memang tidak dapat dipisahkan di antara adat dan kehidupan manusia.

¹Melayu disini dirujuk kepada Melayu Indonesia dan Malaysia, oleh itu Adat Melayu di panggil juga 'Customary law' oleh pengkaji-pengkaji Barat.

Pengertian adat yang diberikan oleh Hooker itu menyentuh aspek kelakuan yang lebih mendekati soal-soal etika atau moral, sesuatu yang dianggap elok atau sesuai dan dapat diterima oleh sesuatu masyarakat dan dapat juga dikatakan sebagai undang-undang. Adat juga dimaksudkan sebagai fakta undang-undang yang tidak bertentangan dengan hukum Islam. Undang-undang yang diamalkan dan menjadi suatu kebiasaan dalam cara hidup sesebuah masyarakat itu adalah didasarkan kepada hukum Islam seperti yang dinyatakan dalam pepatah berbunyi:

Adat bersendikan hukum
 hukum bersendikan Kitabullah
 Kuat Adat, tak gaduh hukum
 Kuat hukum, tak gaduh Adat
 Ibu Hukum Muafakat
 Ibu Adat Muafakat¹.

E.B.Tylor² memasukkan adat di dalam pengertian budaya iaitu "as one of the capabilities and habits acquired by man as member of society". Pengertian ini mempunyai persamaan dengan pengertian adat yang diberikan oleh Abdullah Siddik iaitu dapat dikatakan sebagai suatu cara hidup masyarakat yang terdiri dari manusia yang berakal

¹M.B.Hooker, Readings in Malay Adat Laws, (Singapore: University Press, 1970), hal. XI.

²Julius Gould dan William L. Kolb, ed., A Dictionary of the Social Sciences, (Great Britain: Tavistock Publications, 1964), hal. 176.

di mana cara hidup ini dituangkan dalam peraturan-peraturan bagi masyarakat itu dan dijadikan pedoman hidup bagi ahli-ahlinya¹.

Oleh kerana masyarakat itu mempunyai budaya dan budaya itu merupakan satu cara hidup bagi masyarakat manusia, jadi adat sebagai salah satu unsur budaya itu akan diturunkan kepada anggota-anggota akan dapat dipelihara.

Pengertian adat yang luas juga boleh difahami berdasarkan kepada definisi yang diberikan oleh Datuk Samad Idris berbunyi: 'adapun yang dinamakan adat itu ialah satu sistem pentadbiran dan pemerintah serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-hari atau jelasnya menurut istilah sekarang ialah 'undang-undang negara'².

Beliau menyamakan pengertian adat itu dengan 'undang-undang negara' yang diamalkan sekarang kerana sebelum wujudnya undang-undang moden yang mengatur hidup bermasyarakat, adat ini memainkan peranan penting. Contoh yang paling jelas ialah Adat Perpatih yang

¹Abdullah Siddik, "Adat dan Modenesasi", Kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, (Pada 10-12 hb. April, 1974), hal. 3.

²Datuk Samad Idris, "Kemurnian dalam Adat Perpatih", Kertaskerja Seminar Persajarahan dan Adat Perpatih, hal 3.

diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan Daerah Naning serta Alor Gajah di Melaka¹.

Adat yang menjadi peraturan hidup ini sentiasa berubah dan diperbaharui mengikut keadaan waktu dan masa seperti yang dinyatakan di dalam perbilangan di bawah;

Sekali air bah, sekali pasir berubah,
sekali raja mangkat, sekali adat beralih,
sekali tahun beredar, sekali manusia bertukar.

dan juga di dalam perbilangan yang lain ada menyebut berbunyi;

Ibu Adat ialah muafakat,
Usang-usang diperbaharui,
Yang lapuk disokong,
Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang.

Dari perbilangan di atas jelas menunjukkan bahawa adat itu satu-satunya yang dinamis, tidak kaku dan beku. Kenyataan ini diakui sendiri oleh Haji Abbas bin Haji Ali di dalam pengertian adat kerana katanya; 'adat seperti undang-undang juga adalah seumpama kanun pemeliharaan dalam mewujudkan keperibadian tata,

¹ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), hal. 157.

kesusilaan masyarakat bagi bangsa dan nusa seperti lain-lainnya ianya tertakluk kepada undang-undang 'alam' yang mengalami perubahan¹.

Setelah melihat berbagai pengertian adat yang telah dipaparkan tadi, didapati adat itu tidak terlepas dari nilai-nilai hidup yang dipegang oleh masyarakatnya. Nilai-nilai hidup masyarakat itu digambarkan berdasarkan tingkahlaku dan juga pemikiran kelompok masyarakat itu sendiri.

1.2.1 Pembahagian Adat.

Perkataan adat terbahagi pula kepada empat bahagian atau asas yang menjadi pokok pegangan kepada mereka yang memegang teraju adat². Andainya hakikat pembahagian ini tidak difahami, ia akan menyelewengkan maksud adat itu dari yang asal dan menghasilkan pengertian yang terpesong. Keempat-empat pembahagian itu ialah:

1. Adat yang sebenarnya adat.
2. Adat yang diadatkan.
3. Adat nan teradat.
4. Adat istiadat.

¹Haji Abbas bin Haji Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat", Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, hal. 1.

²Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 6.

1. Adat yang sebenarnya adat:

Ditinjau dari segi falsafah, adat yang sebenar adat berpangkal kepada hukum 'alam', ketentuan alam yang hakiki, abadi dan tidak berubah. Berguru kepada ketentuan 'alam yang abadi dan hakiki itu dijadikan satu peraturan yang berbunyi :

Adat air cair membasahai,

Adat api panas membakar.

Adat inilah yang dikatakan tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas; begitu juga dengan pepatah : biar mati anak asalkan jangan mati adat, hanya dihadkan kepada adat yang sebenar adat dan ini juga merupakan sesuatu yang telah termaktub di dalam al-Qur'an. Misalnya hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Islam di dalam soal pembahagian harta pusaka yang merupakan satu-satu yang tidak boleh diubah mengikut peredaran zaman, sebaliknya peredaran zaman yang moden sekarang ini hendaklah menyesuaikan diri dengan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam al-Qur'an.

2. Adat yang diadatkan:

Adat yang diadatkan merupakan suatu peraturan dan ketetapan yang diambil daripada permuafakatan yang bertujuan untuk mengatur masyarakat dalam segala bidang terutama dalam kehidupan sosial seperti di dalam

pergaulan, bidang ekonomi dan sebagainya. Adat ini akan tetap berlaku selama ia masih ditaati oleh orang ramai daripada kalangan masyarakat itu. Jika adat itu hendak dibuat sesuatu perubahan, hendaklah diadakan mesyuarat dan muafakat sesuai dengan petunjuk adat iaitu:

Tiap sesuatu dengan muafakat,
 begitu kata maka suci,
 begitu perkataan maka sempurna¹.

Mesyuarat juga perlu diadakan jika sebahagian dari pendukung adat itu mulai banyak menyimpang daripada adat yang diamalkan. Contoh yang dapat mewakili bahagian adat yang diadatkan ini ialah Adat Perpatih yang diamalkan oleh penduduk di Negeri sembilan dan juga Daerah Alor Gajah di Melaka.

3. Adat yang teradat.

Adat ini agak berbeza dari penetapan di dalam adat yang diadatkan kerana ini ialah adat kebiasaan yang diterima oleh masyarakat tanpa mesyuarat atau ditetapkan terlebih dahulu². Adat ini banyak berlaku di dalam kehidupan sehari-hari seperti kepatuhan

¹Abdullah Siddik, "Adat dan Modenisasi". Kertaskerja Seminar Persajajaran dan Adat Perpatih, hal. 7.

²Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 9.

anak terhadap ibunya atau rasa hormat yang timbul oleh seseorang yang muda terhadap yang tua dan di antara seorang pemerintah dan yang diperintah. Oleh kerana adat itu telah menjadi kelaziman dalam masyarakat, ia akan terus diikuti oleh generasi seterusnya, tanpa perlu dibentuk terlebih dahulu.

4. Adat Istiadat.

Iaitu adat dalam pengertian upacara atau dapat dikatakan sebagai tatatertib yang berlaku dalam satu-satu upacara atau ritual. Prof. Koentjaraningrat memberi pengertian adat sebagai kumpulan norma-norma atau satu perlakuan oleh ahli masyarakat yang dipegang dan dianuti bersama¹. Biasanya perlakuan ini berbentuk upacara-upacara yang menggambarkan sesuatu kepercayaan.

1.2.2 Adat-Adat di Malaysia.

Seorang Sarjana Barat yang mengkaji tentang adat di Malaysia iaitu Wilkinson menyatakan bahawa terdapat 2 jenis adat yang diamalkan di Semenanjung Tanah Melayu. Adat-adat itu ialah Adat Perpatih dan Adat Temenggung².

¹Prof. Dr. Koentjaraningrat, Pengantar Antropoloji, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1970), hal. 66.

²M.B.Hooker, Readings in Malay Adat Laws, hal. 159.

Sarjana-sarjana hukum Barat menyebut kedua-dua jenis adat tersebut dengan istilah 'Malay Custom' sebagai terjemahan dari Adat Melayu. Di bawah ini akan diuraikan tiap-tiap satu adat tersebut.

1. Adat Perpatih.

Menurut istilahnya ialah satu urutkata yang merupakan amalan bagi satu-satu golongan masyarakat khususnya masyarakat Melayu Negeri Sembilan dan Daerah Alor Gajah di Melaka; sedangkan istilah Perpatih itu sendiri adalah nama bagi orang yang mempelopori sistem hidup ini iaitu 'Datuk Perpatih Nan Sebatang'¹. Segala peraturan dan hukum yang diwujudkan dalam sistem adat ini bertujuan untuk membendung perlakuan-perlakuan dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan masyarakatnya.

Adat Perpatih merupakan satu peraturan hidup, kawalan sosial juga sebagai satu sistem kekerabatan yang liberal dan menyeluruh. Oleh itu terdapat konsep-konsep tertentu di dalamnya seperti jurai, perut, suku dan sebagainya.

¹Idris bin Haji Tain, "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih", Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, hal. 1.

Konsep yang menggambarkan hubungan kekerabatan.

Konsep ini selalu dikaitkan dengan susurgalur keturunan seseorang di mana dalam Adat Perpatih, jurai keturunannya itu bersifat 'matrilineal' iaitu seseorang akan disusurgalurkan mengikut sebelah ibunya sahaja.

Jurai memperlihatkan hubungan keturunan seseorang melalui hubungan darah dari setingkat ke setingkat dengan bertunjangkan kepada pengakuan bahawa mereka berasal daripada satu nenek moyang yang sama¹.

Berdasarkan kepada sejarah, terdapat 12 suku dalam Adat Perpatih yang mempunyai identiti dengan nama yang tertentu iaitu;

1. Suku Biduanda.
2. Suku Batu Hampar.
3. Suku Paya Kumbuh.
4. Suku Mungkal.
5. Suku Tiga Batu.
6. Suku Tiga Nenek.
7. Suku Tanah Datar.
8. Suku Seri Melenggang.
9. Suku Seri Lemak.
10. Suku Batu Belang.
11. Suku Anak Acheh.
12. Suku Anak Melaka.

³Ibid., hal. 2.

Suku Biduanda merupakan suku yang lebih istimewa kedudukannya di antara suku-suku tadi, kerana pada anggapan pengamal-pengamal Adat Perpatih bahawa Suku Biduanda itu adalah sebagai 'pribumi' yang merupakan orang asal Negeri Sembilan, sedangkan suku-suku lain adalah orang mendatang. Anggota-anggota suku inilah yang berhak untuk menyandang pesaka undang-undang luak. Undang ialah puncak struktur susunan ketua-ketua adat di peringkat kawasan atau disebut Luak.

Di kalangan masyarakat yang bersuku-suku ini pula, tempat kediaman bagi satu-satu kelamin ialah di kawasan kepunyaan ibu isterinya. Di tempat isteri, suami adalah orang semenda¹ dan pihak lelaki yang menjadi ahli perut isterinya adalah tempat semenda kepadanya.

Suku-suku yang telah disebut di atas tadi terbahagi pula kepada kumpulan-kumpulan yang kecil yang dipanggil 'perut'. Satu-satu perut diketui oleh seorang buapak. Tiap-tiap perut pula diberi nama mengikut nama tempat perut itu ditubuhkan. Tiap-tiap anggota perut mengaku dan percaya bahawa mereka berasal dari moyang yang sama. Hubungan kekeluargaan di antara anggota perut agak jelas kerana biasanya mempunyai beberapa peringkat generasi. Pada praktiknya kebanyakan perut terjumlah merangkumi tiga hingga empat generasi sahaja.

¹Orang Semenda ialah lelaki yang berkahwin dengan seorang perempuan yang berlainan suku dengannya, jadi orang lelaki itu dipanggil orang semenda kepada suku isterinya.

Perut dianggotai khususnya keluarga sedarah nisab ibu seperti emak Ego¹, emak kepada emak Ego yang biasanya dipanggil uwan, emak kepada emak uwan dipanggil nenek dan emak kepada emak nenek dipanggil moyang. Seterusnya ialah adik beradik lelaki dan perempuan kepada emak Ego, adik beradik lelaki dan perempuan kepada uwan, nenek dan moyang Ego, adik beradik Ego dan juga saudara sepupu Ego sebelah ibu. Ada juga kemungkinan seseorang itu menjadi anggota perut walaupun tiada hubungan darah. Ini dapat dilakukan menerusi satu proses yang dinamakan 'berkedim'.

Kedim makna umumnya ialah saudara. Menurut konsep am Adat Perpatih, istilah ini digunakan bagi lembaga anak angkat yang terdiri dari dua jenis iaitu kedim adat dan pesaka dan kedim adat pada lembaga. Kedim adat dan pesaka ialah mengambil seseorang sebagai anak angkat 'penuh' yang bermaksud jika mengenai seseorang perempuan dengan berkedim cara ini akan memberi kepadanya semua hak warisan dan semua tanggungjawab anak-anak perempuan dan cucu-cucu perempuan ibu angkatnya. Bagi lelaki pula jika diambil sebagai anak angkat 'penuh' ia boleh dipilih menjadi penghulu dalam suku ibu angkatnya itu.

¹Ego ialah orang yang menjadi fokus dalam mengesan jurai keturunan.

Yang dimaksudkan dengan 'kedim adat pada lembaga' pula ialah pengambilan anak angkat 'terbatas' iaitu seorang anak perempuan dari sukunya sendiri atau dari bahagian sukunya diambil sebagai anak angkat dan kepadanya diberikan kepadanya semasa hidup ibu angkatnya itu¹.

Dari segi struktur masyarakat Adat Perpatih seperti yang telah diperkatakan di atas tadi dapat dibahagi kepada lima perkara dasar iaitu²:

1. Keturunan adalah dikira melalui 'nisab sebelah ibu.
2. Perwarisan harta pesaka adalah melalui perempuan.
3. Masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih itu terbahagi kepada suku dan perut, tiap-tiap perut (dan kadang-kadang suku) adalah kumpulan yang exogamos¹.
4. Tempat kediaman selepas berkhawain ialah di kawasan tempat tinggal ibu isterinya.
5. Ada pertalian istimewa di antara pihak anak buah kedim dengan buapak (bapak) kedim.

¹ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 117.

² Azizah Kassim, "Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan", (Latihan ilmiah Universiti Malaya, 1969), hal. 7.

Oleh kerana anak-anak perempuan yang menerima harta pesaka, serta bertanggungjawab pula untuk menjaga ibubapanya atau suami di masa tua kelak, sekiranya keluarga itu tiada anak perempuan, mereka akan mengambil anak angkat dengan istiadat berkedim tadi.

Merantau :

Selain daripada konsep yang telah dijelaskan tadi, terdapat satu lagi konsep yang dianggap penting untuk menyebarkan adat itu dengan seluas-seluasnya iaitu 'merantau'. Merantau adalah satu ciri penting dalam Adat Perpatih. Konsep ini memainkan peranan penting bukan sahaja dari segi sosial, malahan kepentingan itu dapat dilihat dari segi ekonomi dan juga politik.

Merantau di dalam Adat Perpatih bermaksud merujuk kepada fenomena sosial di mana anak-anak muda keluar meninggalkan kampung pergi ke kota-kota untuk mengadu nasib dan mencari rezeki¹. Biasanya menjadi kelaziman bagi anak-anak lelaki untuk pergi merantau. Tujuan utama mereka pergi merantau ialah untuk mencari rezeki bagi mengumpulkan harta kerana seseorang teruna itu jika mempunyai harta yang banyak akan disanjung tinggi oleh masyarakat; istimewa lagi jika teruna itu ingin meminang seseorang gadis dengan pengaruh harta yang banyak terkumpul akan lebih membuka hati ibubapa si gadis tadi untuk mendapat seorang menantu yang berharta.

¹Exogamous ialah masyarakat yang mengamalkan perkahwinan luar suku.

Ini disebabkan apabila anak gadis itu berkahwin dengan orang yang banyak harta, jadi harta itu akan menjadi miliknya atau diistilahkan sebagai harta dapatan, kerana telah menjadi satu ciri di dalam masyarakat Adat Perpatih bahawa pihak perempuan adalah menjadi ahli waris untuk harta pesaka peninggalan suami dan keluarga.

Anak-anak lelaki diorientasikan untuk pergi merantau bukan sahaja untuk mengumpul harta, tetapi mereka didedahkan dengan cara hidup berdikari agar setelah berumahtangga nanti, dengan mereka akan dapat mengendalikan ekonomi rumahtangga dengan baik demi kepentingan keluarga mereka nanti. Memang telah menjadi satu ciri di dalam masyarakat Adat Perpatih bahawa jawatan undang adalah dipegang oleh anak lelaki. Jadi, untuk memegang jawatan ini beberapa aspek adalah diberi perhatian oleh anggota-anggota suku seseorang itu seperti bakat kepimpinan yang ada pada diri individu itu dan juga harta milik orang yang bakal menjadi undang itu.

Oleh itu, harta yang terkumpul juga boleh mempengaruhi seseorang itu untuk dipilih menjadi ketua. Dengan 'merantau' akan juga menambahkan pengalaman bagi anak lelaki sama ada mereka yang bakal menjadi pemimpin masyarakat ataupun untuk menjadi ketua di dalam sesebuah masyarakat itu. Namun, apa yang dapat diperhatikan

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1976), hal. 97.

sekarang ini ialah faktor pelajaran telah membuat konsep merantau itu tidak sahaja terikat kepada anak lelaki sahaja; malah anak perempuan juga terlibat dalam 'merantau' kerana dengan terbukanya peluang pekerjaan bagi mereka yang berpelajaran telah menyebabkan mereka meninggalkan kampung halaman dan sanak saudara kerana bekerja di tempat yang jauh. 'Geographical mobility' bagi anak gadis sekarang lebih luas jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum wujudnya sistem pendidikan moden sekarang ini.

2. Adat Temenggong.

Adat Temenggong menurut Hooker ialah istilah yang digunakan untuk menerangkan sebarang adat yang bukan Adat Perpatih, juga mempunyai sistem yang berbeza¹. Seterusnya beliau menyatakan lagi bahawa dari segi sistem kekeluargaan, adat ini berbentuk 'bilateral'. Lain-lain istilah yang digunakan ialah adat kampung, adat Melayu, adat ketua dan adat Mukim².

Kawasan-kawasan yang mengamalkan Adat Temenggong di Semenanjung Tanah Melayu ialah Negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Terengganu dan Kelantan³.

¹M.B.Hooker, Adat Laws in Modern Malaya(Kuala Lumpur: Oxford University Press 1972, London, New York, Melbourne), hal. 2.

²M.B.Hooker, Reading in Malay Adat Laws, hal. xi.

³Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal 157.

Perbezaan yang nyata di antara Adat Perpatih dan Adat Temenggong ialah dalam cara pemerintahan, cara garis keturunan, hukum jenayah dan hukum waris¹. Walaupun terdapat perbezaan di antara hal-hal yang telah disebutkan itu, kedua-dua adat tersebut dikenali juga sebagai Adat Minangkabau.

Dasar hidup yang berbeza di dalam cara pentadbiran di antara kedua-dua adat tersebut kerana Adat Perpatih mengamalkan pentadbiran bercorak demokrasi sedangkan dasar ketemenggungan mengamalkan pentadbiran bercorak otokrasi².

Dari segi dasar keturunan, Adat Temenggung menyusurgalurkan keturunan dari kedua-dua pihak ayah dan ibu yang tersebut sebagai 'bilateral kinship'; tidak seperti Adat Perpatih yang terkenal dengan sistem kekeluargaannya yang bersifat 'matrilineal'. Walaupun dasar keturunan itu bercorak bilateral tetapi Adat Temenggung mengesan hubungan matrilineal untuk tujuan-tujuan 'clan', tetapi menekankan hubungan patrilineal bagi menurunkan sesuatu jawatan dan pembahagian harta³.

¹Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal 158.

²Haji Abbas bin Haji Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat", Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, hal. 7.

³M.B.Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, hal. 30.

Hubungan di antara kekeluargaan juga tidak seerat hubungan yang terdapat di kalangan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Keadaan ini jelas di dalam perbilangan yang berbunyi:

Siapa menjala siapa terjun,
Siapa berhutang siapa membayar,
Siapa bersalah siapa bertimbang; dan
Siapa membunuh siapa kena bunuh¹.

Walaupun demikian di dalam hubungan masyarakat anggota masyarakat Adat Temenggung tidak bersifat membezakan antara anggotanya mengikut puak kerana ia tidak mengandungi sistem suku, sistem lembaga, sistem perut dan sebagainya. Hilangnya sistem suku di dalam masyarakat itu disebabkan masyarakat Adat Temenggung mengamalkan perkahwinan endogami dan banyak dipengaruhi oleh Hukum Syara^C.

1.3 Pengertian Pesaka Menurut Islam.

Pesaka dalam Islam dapat diertikan kepada dua pengertian, pertama dengan makna nama terbitan(مَصْر) dan yang kedua dengan makna nama yang kena buat (اسم مفعول) iaitu benda yang diwarisi.

¹Abdul Rahman bin Haji Muhammad. Dasar-dasar Adat Perpatih, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964), hal.

Pesaka dengan makna masdar (مصدر) mempunyai dua pengertian iaitu:

1. Dengan makna kekal sebagaimana dalam doa Nabi Muhammad s.a.w.

اللهم متعنى سمعى وبصرى واجعلها الوارث

منى •

(1)

Maksudnya: "Ya Allah, berilah aku nikmat pada pendengaran dan penglihatan dan jadikanlah kedua-duanya kekal hingga akhir hayatku".

2. Dengan makna 'berpindah' sama ada perpindahan itu dengan sebenar (hakiki) seperti perpindahan harta kepada waris atau secara pengertian (maknawi) seperti perpindahan ilmu dan akhlak dan seumpamanya atau secara hakiki seperti perpindahan harta kepada anak dalam kandungan sebelum dilahirkan.

Firman Allah:

(2) وورث سليمان داود

Maksudnya: "Dan Nabi Sulaiman mewarisi (pangkat kenabian dan kerajaan) Nabi Daud".

¹Syamsudin Muhammad bin Abi Al-^CAbbas, Nihayah al-Muhtaj ila sharh al-Minhaj, cetakan keenam (Mesir: Matba'ah al-Babi al-Halabi wa Auladuh, 1938), hal. 2.

²Al-Qur'an, Surah an-Naml, 27:16.

1.3.1 Pengertian Ilmu Miras

Pesaka dengan makna 'isim maf'ul' sama makna dengan makna 'al-irs' iaitu pada bahasa ialah al-aslu (الأصل) dan baqiyyah (بقية) dinamakan kepada harta yang ditinggalkan oleh simati kerana harta itu adalah peninggalan simati kepada waris.

Pesaka dari segi istilah Fuguha' ialah nama bagi benda yang berhak diwarisi oleh simati dengan satu sebab daripada sebab-sebab pesaka. Mereka mendefinisikan ilmu pesaka sebagai satu ilmu yang bersangkutan dengan pembahagian harta pesaka dan ilmu yang membolehkan mengetahui kadar yang wajib bagi tiap-tiap yang berhak daripada harta peninggalan¹.

Dari segi syara^C al-Miras bermakna sesuatu hak yang boleh dibahagikan dan sabit kepada yang berhak setelah yang berhak dahulu itu mati, kerana ada hubungan kerabat, suami isteri ataupun wala' (pembebasan hamba atau perjanjian)².

¹Syamsudin Muhammad bin Abi Al-^CAbbas, Nihayah al-Muhtaj ila sharh al-Minhaj, hal. 2. 1.3.1 Pengertian Ilmu Miras.

²Abdul Kadir bin Haji Ismail, Sistem Pusaka Islam, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1983), hal. 63-64.

Para ulama' fiqh telah mentakrifkan ilmu miras sebagai suatu kaedah fiqh dan hisab yang mana dengan kaedah ini dapatlah diketahui hak tiap-tiap waris daripada harta peninggalan simati. Ilmu Miras juga dikenali dengan nama ilmu 'faraid' kepada al-faraid adalah jama^C daripada al-faridah iaitu perkataan terbitan daripada al-fardhu yang bererti¹:

1. Takdir:

Penentuan keadaan ini seperti firman Allah:

(2) فنصف ما فرضتم

Maksudnya: "Maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang telah kamu tetapkan itu".

¹Abū al-Yaqzān ^CAtiyah al-Jabūrī, Hukmu al-Mirāth fi al-Syarī'at al-Islamiyyat, (Bagdad: Dar al-Nazir, 1969), hal. 25-26.

²Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:237.

2. Al-Bayan (penerangan):

Firman Allah yang berbunyi :

مد فرض الله لكم تحلة أيمانكم

(1)

Maksudnya: " Sesungguhnya Allah telah menetapkan bagi kamu (Wahai Nabi dan umatku, untuk) melepas diri dari sumpah (dengan membayar denda-kaffarah)".

3. Al-Inzal (menurunkan):

Firman Allah yang berbunyi:

ان الذى فرض عليك القرآن لرادك الى

(2)

معاد .

Maksud: "Sesungguhnya Allah yang mewajibkan kepadamu (mengamalkan dan menyampaikan) al-Qur'an (Wahai Muhammad) sudah tentu akan menyampaikan engkau lagi kepada apa yang engkau ingini dan cintai".

¹Al-Quran, Surah al-Iahrim, 66:2

²Al-Qur'an, Surah al-Qasas, 28:85

1.3.2 Penyari^Catan Perwarisan.

Nas dari al-Qur'an: (Lihat jadual 1)

Dalam al-Qur'an terdapat dalil syara^C yang kebanyakannya menerangkan secara umum tetapi dalam soal pembahagian pesaka al-Qur'an telah menerangkan dengan terperinci. Di antara nas-nas yang menerangkan hukum pesaka ialah:

1. Pewarisan anak-anak.

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِي
فَإِنْ كَانَ نَسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ
وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ .

(1)

Maksud: "Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pesaka) untuk anak-anak kamu, iaitu bahagian seseorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika kanak-kanak itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh simati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu".

2. Pewarisan dua ibubapa:

وَلَا يُبْرِيهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السَّدْسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ
الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السَّدْسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةِ
يُوصِي بِهَا أَوْ دِينَ .

(2)

Maksud: "Dan bagi ibubapa(simati), tiap-tiap seorang dari kedua-duanya; sepertam dari harta yang ditinggalkan oleh simati, jika simati itu mempunyai anak.

¹Al-Qur'an, Surah Nisaa', 4:11

²Al-Qur'an, Surah Nisaa', 4:11

Tetapi jika simati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu-bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula simati itu mempunyai beberapa orang saudara(adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. Pembahagian itu ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh simati dan sesudah dibayarkan hutangnya".

3. Pewarisan suami isteri:

Firman Allah yang berbunyi:

ولكم نصف ما ترك ازواجكم ان لم يكن لهن ولد فان كان
 لهن ولد فلکم الربع مما تركن من بعد وصية يوصين بها
 اودين .

(1)

Maksud: "Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mempunyai anak maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya".

¹Al-Qur'an, Surah an Nisaa', 4:12

Firman Allah seterusnya:

ولهن الربع مما تركتم ان لم يكن لكم ولد فان

كان لكم ولد فلهن الثمن مما تركتم .

(1)

Maksud: "Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak, maka bahagian mereka (isteri-isteri) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan".

4. Pewarisan saudara mara:

وان كان رجل يورث كلاله او امرأة وله اخ

او اخت فلكل واحد منهما السدس فان كانوا

اكثر من ذلك فهم شركاء في الثلث من بعد وصية

يوصى بها اودين .

(2)

Maksud: "Dan jika simati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (bersaudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh simati dan sesudah dibayar hutangnya".

¹Al-Qur'an, Surah an-Nisaa', 4:12

²Al-Qur'an, Surah an-Nisaa', 4:12

5. Pewarisan saudara perempuan:

يستفتونك قل الله يفتيكم في الكلالة ان امروا هلك
 ليس له ولد وله أخت فلها نصف ما ترك وهو يرثها
 ان لم يكن لها ولد فان كانتا اثنتين فلهما الثلثان
 مما ترك وان كانوا اخوة رجالا ونساء فللذكر مثل حظ
 الانثيين .

(1)

Maksud: "Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad mengenai masalah kalalah). Katakanlah: "Allah memberikan fatwa kepada kamu dalam perkara kalalah itu, yaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh simati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuan itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh simati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai lelaki dan perempuan, maka bahagian lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan".

¹Al-Qur'an, Surah an-Nisaa', 4:176.

6. Pewarisan Zawil Al-Arham:

Firman Allah s.w.t yang berbunyi:

وأولوا الأرحام بعضهم أولى ببعض في كتاب الله،
 أن الله بكل شيء عليم .

(1)

Maksud: "Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang lain, menurut(hukum) Kitab Allah; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu".

¹Al-Qur'an, Surah al-Anfaal, 8:75.

Jadual 1: Pembahagian Pesaka Menurut al-Qur'an.

WARIS	BAHAGIAN	SYARAT
SUAMI	1. $1/2$ Fardhu	Ketika tidak ada furu' waris bagi isteri.
	2. $1/4$ Fardhu	Ketika ada furu' waris bagi suami.
ISTERI	1. $1/4$ Fardhu	Ketika tidak ada furu' waris bagi suami.
	2. $1/8$ Fardhu	Ketika ada furu' waris bagi suami.
BAPA	1. $1/6$ Fardhu	Jika ada bersama furu' waris lelaki.
	2. $1/6$ Fardhu/ C ^{asabah}	Jika bersama furu' waris perempuan.
	3. C ^{Asabah}	Ketika tiada furu' waris.
IBU	1. $1/6$ Fardhu	Jika bersama furu' waris atau bersama dua atau lebih saudara lelaki/perempuan.
	2. $1/3$ Fardhu daripada semua harta	Ketika tiada furu' waris atau tidak ada saudara-saudara ke atas.
	3. $1/3$ Fardhu baki daripada harta	Pada dua masalah iaitu: i. suami / dua ibubapa. ii. isteri / dua ibubapa.

WARIS	BAHAGIAN	SYARAT
ANAK	1. $1/2$ Fardhu	Jika tidak bersama Muassib
PEREMPUAN	2. $2/3$ ramai	Jika tidak bersama mereka itu muassib
	3. ^C Asabah	bersama-sama saudara yang lelaki
CUCU	1. $1/2$ Fardhu bagi seorang	Ketika tiada anak perempuan dan tiada muassib.
PEREMPUAN	2. $2/3$ Fardhu bagi ramai	Ketika tiada anak perempuan dan tiada muassib.
daripada	3. $1/6$ Fardhu bagi ramai	Ketika bersama seorang anak sebagai menyempurnakan $2/3$ dan tiada muassib.
anak lelaki	4. Ta'sib	dengan lelaki yang sederajat dengan nya atau lebih rendah daripadanya.
	5. Terdinding	dengan dua orang anak perempuan atau dengan dua orang cucu perempuan daripada anak lelaki yang lebih tinggi darjatnya jika tiada muassib baginya.

WARIS	BAHAGIAN	SYARAT
SAUDARA PEREMPUAN Seibu/sebapa	1. $1/2$ seorang 2. $2/3$ ramai 3. Ta'sib 4. Ta'sib 5. Terdinding	Jika tiada muassib dengan saudara lelaki seibu/seibu dengan furu' waris yang perempuan maka ia ambil yang baki Oleh bapa, anak lelaki, cucu lelaki daripada anak hingga ke bawah, tiada terdinding oleh nenek yang sah
	1. $1/2$ Fardhu seorang 2. $2/3$ fardhu ramai 3. Ta'sib 4. Ta'sib 5. $1/6$ fardhu	Ketika tiada; i. anak perempuan II. cucu perempuan daripada anak lelaki iii. saudara perempuan seibu sebapa dengan saudara lelaki sebapa serta anak perempuan atau cucu perempuan daripada anak lelaki, ambil baki harta saudara seibu sebapa bagi menyempurnakan bahagain $2/3$

WARIS	BAHAGIAN	SYARAT
SAUDARA	6. Terdinding	Bapa, anak lelaki, cucu lelaki daripada anak lelaki dan ke bawah, saudara lelaki seibu sebapa dan saudara perempuan seibu sebapa mendapat C asabah serta lain.
	7. Terdinding	Saudara perempuan seibu sebapa ketika tidak ada bersama saudara perempuan sebapa sebagai orang yang mengasabahkan.
	1. 1/6 seorang	lelaki atau perempuan
SAUDARA lelaki/ perempuan sebapa	2. 1/3 ramai	lelaki atau perempuan sama ada satu jenis atau berbeza antara mereka dengan bahagian sama banyak.
	3. Terdinding	Asal bapa atau nenek yang lelaki sahaja dan furu' waris lelaki atau perempuan.

2. Dalil Pesaka dari Hadith:

Sabda Rasulullah s.a.w. iaitu:

عن ابن العباس قال : قال رسول الله صلى الله

عليه وسلم ، الحقو الفرائض باهلها فما بقى

(1)

فهو لاولى رجل ذكر .

Maksud: "Dari Ibnu Abbas ia berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w. berikan bahagian kepada ahlinya, maka yang lebih adalah bagi lelaki yang hampir".

3. Dalil Ijma^C:

Dalam masalah pesaka, ia bukan sahaja bersumberkan al-Qur'an tetapi juga bersumberkan Ijma^C umat. Setengah hukum yang telah dithabitkan dengan Ijma^C umat, di mana Ijma^C telah bersetuju menjadikan saudara perempuan sebapa seperti saudara perempuan seibu sebapa ketika ketiadaan saudara perempuan seibu sebapa serta menjadikan saudara lelaki sebapa seperti saudara lelaki seibu sebapa ketika ketiadaan lelaki seibu sebapa.

Ijma^C umat juga bersepakat untuk menjadikan cucu lelaki daripada anak lelaki seperti anak lelaki apabila

¹Sahih Muslim (Mesir: Matba^Cah^C Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakahu), juz.2, hal. 2.

ketiadaan anak lelaki dan juga menjadikan cucu perempuan dari anak perempuan seperti anak perempuan apabila ketiadaan anak perempuan¹.

1.3.3 Sebab-sebab Pesaka:

Sebab-sebab pesaka ada tiga iaitu:

1. Kerabat.
2. Perkahwinan
3. Wala'

1. Kerabat

Kerabat ialah perhubungan atau pertalian darah di antara waris dengan pewaris, termasuk dalam kerabat ini ialah anak-anak simati serta waris-waris yang berhak yang ada pertalian kerabat dengan simati. Semuanya ini ada yang menjadi ahli fardhu sahaja seperti ibu. Ada yang menjadi ahli fardhu dan asabat seperti bapa dan anak perempuan. Ada yang menjadi ^Casabah sahaja seperti anak lelaki dan saudara lelaki sebelah bapa dan ada yang menjadi zawil al-Arham seperti bapa saudara sebelah bapa kepada ibu.

¹Ibn Qudamah, al-Mughni, (Qaherah: Maktabah al-Qaherah, 1969: 1389), juz. 6, hal. 280.

Ini berdasarkan kepada firman Allah berbunyi:

(1) أَبَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ إِيَّاهُمْ اقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا .

Maksud: "Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu".

2. Perkahwinan:

Perkahwinan ini dimaksudkan secara sah sama ada berlaku persetubuhan atau tidak. Oleh yang demikian jika sekiranya salah seorang dari suami atau isteri mati sebelum bersetubuh, maka seorang lagi boleh mewarisi hartanya kerana berdasarkan firman Allah s.w.t. iaitu:

ولكم نصف ما ترك أزواجكم إن لم يكن لهن ولد فإن
كان لهن ولد فلكن الربع مما تركن من بعد وصية
يؤمين بها أو دين .

(2)

Maksud: "Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya".

¹Al-Qur'an, Surah an-Nisaa', 4:11

²Al-Qur'an, Surah an-Nisaa', 4:12

a. Pesaka dalam Iddah Cerai Raj^Ci:

Ia juga bermaksud boleh dirujuk balik ketika dalam iddah. Dalam hal ini semua mazhab empat telah bersepakat mengatakan bahawa pesaka juga berlaku di antara suami dan isteri jika salah seorang dari keduanya mati dalam iddah raj^Ci, sama ada perceraian itu dilakukan oleh suami di masa sihatnya atau di masa sakitnya¹.

b. Pesaka dalam Iddah Bāin(putus):

Jika sekiranya siisteri itu diceraikan oleh suaminya semasa sihat dengan talaq bāin, maka ada pesaka di antara keduanya, meskipun suami itu mati di dalam iddahnya. Ini ialah kerana suami itu tidak tertuduh dengan melarikan diri dari mempesakai isterinya. Perceraian bāin adalah memutuskan pernikahan, oleh sebab itu pihak suami tidak boleh merujuk bekas isterinya walaupun di dalam iddah, tanpa kerelaan dan keredhaannya, tanpa ^Cakad dan mas kahwin yang baru setelah isterinya itu berkahwin dengan lelaki lain, telah diceraikan dan habis iddahya.

¹Abdul Kadir bin Haji Ismail, Sistem Pusaka Islam, hal. 68.

Sekiranya suaminya menceraikan isteri dengan tujuan untuk melarikan diri dari mempesakai oleh isterinya iaitu dengan melalui cerai *bāin* (putus) tanpa permintaan dari isterinya dalam masa sakit yang berakhir dengan matinya, maka suami itu tidak akan mewarisi kalau isterinya mati dahulu darinya. Ini ialah kerana ia telah menjatuhkan haknya dengan *talaq bāin* yang boleh menghilangkan hukum pernikahan.

Dalam nikah fasid, iaitu pernikahan yang tidak cukup syarat seperti tidak saksi, maka ini tidak dikira nikah syar^Ci meskipun ia diikuti oleh persetubuhan atau khalwat, maka tidak ada hak mempesakai walaupun mati salah seorang dari keduanya selepas persetubuhan¹.

3. al-Wala' (الولاء):

Al-Wala' bermaksud pertolongan dan kasih sayang. Ia diadakan oleh syara^C untuk dua perkara ²:

- a. Wala'dari pembebasan hamba.
- b. Muwalat (Wala' dari perikatan janji).

¹ Ibid, hal. 69-70.

² Abū al-Yaqzan ^CAtiyah al-Jabūrī, Hukmu al-Mīrath fī al-Syari'at al-Islamiyyat, hal. 36.

a. Wala' dari pembebasan hamba:

Ia merupakan ^Casabah sababiah yang timbul daripada suatu sebab dan boleh juga kita sebutkan sebagai suatu perhubungan antara tuan dan hamba yang dibebaskannya; di mana hubungan ini yang menjadikan wala' hak mempesakai harta hambanya, sekiranya ia mati dengan tidak ada waris dan keluarganya itu dinamakan nasab hukum iaitu keturunan dari segi hukum. Ini jelas melalui sabda Rasulullah s.a.w. iaitu:

الولاء لحمه كلمة النسب لا يباع ولا يوهب .

(1)

Maksud: "Wala' adalah satu daging keturunan yang tidak boleh dijual dan dihebahkan".

b. Muwalat(wala' dari perikatan janji):

Ia merupakan satu aqad yang dibuat di antara dua orang dengan syarat tiap-tiap seorang dari keduanya dikehendaki membayar diat bagi seorang. Wala' cara ini ialah mengikut pendapat Mazhab Hanafi sahaja².

¹ Ibn Qudamah, al-Mughni, (Qaherah: Maktabah al-Qaherah, 1969: 1389), juz. 6, hal. 409.

² Ahmad al-Ghandūr, al-Mīrāth fī al-Islām Wal Qānun, (Mesir : Dar al-Ma'arif, 1967) hal. 19.

1.4 Kedudukan harta pesaka di dalam Adat Perpatih:

Jika di dalam masalah perkahwinan dan perceraian, hukum syara^c mempunyai pengaruh yang besar dalam hukum Adat Perpatih, begitu juga dalam masalah pewarisan serta pembahagian harta pesaka di mana ia jarang sekali dipengaruhi oleh peraturan lain terutamanya mengenai tanah. Menurut konsep umum Adat Perpatih, sistem pewarisannya adalah bersifat kolektif di mana setiap ahli waris tidak mempunyai hak atas harta peninggalan simati, tetapi mempunyai hak pakai sahaja¹. Pada dasarnya harta pesaka ialah harta kepunyaan suku atau perut². Suku dianggap sebagai pengawal harta dan setiap ahli suku berhak atas harta itu.

Tanah pesaka adalah turun temurun di dalam suku itu dan tidak boleh dijual beli³. Ianya merupakan warisan mengikut susurgalur keturunan perempuan. Pesaka itu hanya boleh dipindahkan milik di dalam suku dengan

¹Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 116.

²Nordin Selat, Sistem SosiAal Adat Perpatih, hal. 113.

³M.B.Hooker, Readings in Malay Adat Laws, hal. 189.

keizinan Lembaga pada sebarang penjualan terhadap, harta itu¹. Harta pesaka yang diwarisi itu biasanya mengandungi tanah kampung, tanah sawah dan rumah adat².

Organisasi bersuku dan perkahwinan bercorak exogami telah menjadi suatu yang amat penting dalam menetapkan hak milik tanah kepada kaum perempuan yang dianggap sebagai ahli yang kekal di dalam masyarakat itu³. Tanah pesaka itu akan kekal di dalam perlindungan kaum perempuan di dalam sesuatu suku itu. Tanpa harta pesaka, seseorang perempuan itu tidak ada tempat dalam Adat Perpatih dan ia dianggap sebagai anak dagang⁴.

Nyawa terletak di atas badan,

Badan terletak di atas harta.

Keluarga-keluarga di Negeri Sembilan telah mendaftarkan di dalam pemilikan tanah-tanah sawah baru mereka atas

¹Ibid, hal. 23.

²Ahmad Mohd Ibrahim, "Islam Customary Law/Malaysia", Intisari, hal. 65.

³Mohd din Ali, "Two Forces in Malay Society", Intisari, 1.3. Malaysian Sosiological Research Institution (1962), hal. 33.

⁴Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hal. 113.

nama 'Customary'. Ini bererti tanah itu dijadikan pesaka kepada isteri dan anak-anak perempuan mereka nanti¹. Tiap-tiap tanah pesaka hanya sah sebagai tanah pesaka jika ada cap "Customary Land" pada gerannya².

Sistem pesaka di dalam Adat Perpatih telah memberikan status dan penghormatan kepada kaum perempuan di dalam suku. Ianya akan menjaga kaum ibu dan anak-anak mereka dari gejala kemiskinan dan juga penderitaan. Ini akan mengurangkan pergantungan mereka terhadap pihak lelaki dan suami.

Pemberian tanah pesaka ini bukanlah menganggap kaum perempuan itu lebih tinggi daripada kaum lelaki tetapi merupakan pertolongan terhadap yang lemah. Ini kerana lelaki mempunyai tenaga yang lebih dan mampu mencari rezeki yang lebih dari kaum perempuan. Mereka perlu diberikan kedudukan ekonomi yang mantap berserta kawalan dari kaum lelaki. Berdasarkan kepada keadaan ini lah yang menjadikan harta pesaka itu warisan kepada pihak perempuan sahaja.

Menurut adat, kaum lelaki di dalam suku terkeluar sama sekali dari memiliki harta pesaka. Mereka tidaklah merasa kurang berpuas hati dengan keadaan ini kerana

¹ Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society", Intisari, hal. 32.

² Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hal. 109.

digantikannya dengan melalui sistem perkahwinan exogami bersuku¹. Apabila seseorang lelaki berkahwin dengan perempuan dari suku yang lain, isterinya akan menyediakan tanah, sawah dan juga rumah melalui perkongsian harta adat mereka. Jadi, kaum lelaki tidak perlu lagi untuk bersusah payah di dalam hal ini kerana mereka berada di dalam tanggungan pihak isterinya dan memasuki suku isterinya itu.

Anak-anak lelaki walaupun tidak berhak ke atas harta pesaka adat ini, tetapi mereka berhak terhadap hasil tanah pesaka yang mungkin dia sendiri yang menanamnya atau tanaman ibubapanya dahulu². Di samping itu ada pula harta pesaka yang disebut sebagai harta pesaka sendiri yang dapat dibahagi-bahagikan kepada anak lelaki dan perempuan menurut jenis harta itu³.

Perempuan dari kumpulan keluarga (perut) membentuk satu badan berpadu, mengikat sesama melalui pertalian keturunan umum, berkongsi di dalam tradisi umum dan memiliki tanah-tanah⁴. Suami atau lelaki di dalam

¹Mohd Din Ali, "Two Forces in Malay Society", Intisari, hal. 33.

²Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, hal. 115.

³Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 116.

⁴M.B.Hooker, Readings in Malay Adat Laws, hal. 13.

satu komuniti itu pula terdiri dari berbagai suku dan juga tempat, tidak bersatu dari satu keturunan asal dan tidak dapat memiliki tanah.

Setiap lelaki hanya akan tinggal di tanah isterinya atau kepunyaan ibunya dan saudara perempuannya. Dia cuma mengusahakan tanah itu dan mendapatkan hak daripada hasilnya¹. Kaum perempuan di dalam Adat Perpatih mempunyai suatu kedudukan yang besar dan utama. Sekiranya suami melakukan sebarang kesalahan atau jenayah, dia akan dipandang tidak baik oleh keluarga isterinya dan berkemungkinan berlakunya perceraian atau kehilangan tempat tinggal.

Namun begitu, keluarga isteri akan bertanggungjawab atas semuanya sepertimana kata perbilangan iaitu:

Kusut menyelesaikan

Hutang membayar

Piutang menerima

Oleh tempat semenda.

Cicir dipungut

Hilang dicari

Nyawa darah waris yang punya

Rugi laba isteri yang punya.

¹ Ibid, hal. 27-28.

Adat perpatih sebagai adat yang bersesuaian dengan kaum petani di zamannya, memberikan keutamaan harta kepada kaum perempuan tidak lain sebabnya kecuali ingin meengekalkan jaminan keselamatan harta itu sendiri. Mereka sebagai golongan yang lemah dan dalam soal rumahtangga mereka seperti kata adat 'perempuan menanti untung, lelaki mencari untung'¹.

¹Abbas Ali, "Sebahagian dari Dasar Adat", (tinjauan secara umum), Kertaskerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, hal. 15-16.

Dalam bab ini, telah dikemukakan beberapa definisi adat untuk memberikan gambaran umum tentang apakah maksud adat itu. Di Malaysia terdapat dua adat iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung, antara keduanya mempunyai perbezaan yang jelas. Dalam sistem kekeluargaan Adat Perpatih ia mengamalkan sistem kekeluargaan bersifat 'matrilineal' sedangkan sistem kekeluargaan Adat Temenggung adalah berbentuk 'bilateral'. Tambahan pula, Adat Perpatih mengamalkan sistem 'exogamous' iaitu perkahwinan luar suku sedangkan dalam Adat Temenggung banyak dipengaruhi oleh hukum-hukum syara^C.

Syara^C telah menetapkan pembahagian pesaka yang adil kepada orang-orang yang berhak dengan menentukan bahagian masing-masing dengan jelas. Ini ditetapkan oleh syara^C supaya berlaku pemilikan secara adil dan tidak menzalimi hak orang lain. Islam telah menetapkan sebab-sebab yang mempusakai itu hanya tiga iaitu hubungan kerabat, perkahwinan dan wala'.

Ini berbeza dengan Adat Perpatih yang menganggap bahawa tanah pesaka itu adalah menjadi milik perempuan sebagai satu perlindungan kepadanya untuk mengelakkan gejala kemiskinan dan penderitaan. Kaum lelaki lebih mampu untuk mencari rezeki yang lebih daripada kaum perempuan.

Oleh itu, untuk menilai sejauh mana kebenaran kenyataan tersebut penulis akan cuba untuk memberikan

gambaran umum tentang prosedur pembahagian pesaka dalam bab berikutnya sebelum kajian kes-kes pesaka dilakukan.